



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

## MENGUKUH KEYAKINAN DAN MEMBETULKAN PENDIRIAN

Siri: 4/2021

09 Jamadilakhir 1442 H  
*Bersamaan*  
22 JANUARI 2021

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
TERENGGANU**

**PERINGATAN:**

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**. Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali RUKUN, AYAT AL-QURAN dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

## **KHUTBAH PERTAMA**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْعَلِيِّ الْأَعْلَى. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ ،  
لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَى، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا  
عَبْدَهُ، وَرَسُولَهُ نَبِيُّ الْهُدَى. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آئِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ أَقْتَفَى.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَاعْتَصِمُوا بِاللَّهِ هُوَ مَوْلَاكُمْ،  
فَنِعْمَ الْمَوْلَى وَنِعْمَ النَّصِيرُ.

**Saudara Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah.**

Bertakwa dan berpegang teguhlah kepada Allah. Sesungguhnya Dia adalah sebaik-sebaik pelindung dan sebaik-sebaik pemberi pertolongan.

Mimbar jumaat minggu ini bertajuk:

**“Mengukuh keyakinan dan membetulkan pendirian”.**

## **Sidang Jumaat Yang Dimuliakan Allah,**

Hadith yang diriwayatkan oleh Imam Muslim menyebut:

الدِّينُ النَّصِيحَةُ، قُلْنَا: لِمَنْ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: لِلَّهِ وَلِكِتَابِهِ وَلِرَسُولِهِ  
وَلِأُمَّةِ الْمُسْلِمِينَ وَعَامَّتِهِمْ.

Maksudnya:

“Agama Islam itu nasihat”. Kami bertanya: “Kepada siapa?”. Jawab Baginda SAW: “Kepada Allah, kepada Kitab Nya, kepada Rasul Nya, kepada para pemimpin muslimin dan kepada masyarakat awam orang Islam.”

‘An-nasihah’ membawa makna ketulenan dan kemurnian. Ia juga bermaksud pengucapan atau sikap yang membawa penghargaan kepada pihak yang dihadapkan “an-nasihah” itu.

Imam Ibnu Rajab menghuraikan; ‘an-Nasihah’ kepada Allah ialah: kepercayaan dan keyakinan yang mendalam kepada ke-Esaan Allah serta keikhlasan niat beribadat kepadaNya. Ia menuntut keimanan yang tidak berbelah-bagi terhadap keesaan-Nya dan betapa Maha suci-Nya daripada sebarang kelemahan dan kekurangan. Keyakinan yang bertunjang di dalam

qalbu ini, menyerlah pada perlakuan, akhlak dan kehidupan seseorang yang mengaku beriman.

Seorang muslim mu'min yang mempunyai keyakinan mendalam itu tidak akan terlibat dengan perlakuan maksiat, aktiviti tidak bermoral dan tidak sekali-kali bersifat munafiq. Ini ialah kerana kepercayaan yang diperkukuhkan dengan keyakinan menjadikan seseorang itu malu dan merasa sangat keterlaluan mengerjakan maksiat di hadapan Allah, Tuhan yang menciptakannya, melimpahkan nikmat kepadanya dan maha mengetahui setiap apa yang ada pada dirinya.

### **Saudara Sidang Jumaat Yang Dimuliakan Allah,**

'An-nasihah' kepada Kitab Allah pula bermaksud beriman dengan keyakinan tanpa ragu bahawa Al-quran sebagai kalam dan perintah Allah yang mulia. Keyakinan itu dibuktikan dengan sentiasa membaca dan mentadabbur setiap ayatnya. Seterusnya menghayati pengajaran, hukum hakam dan maklumat di dalamnya. Al-quran itu pula dijadikan teras ilmu dan kebijaksanaan. Dengan Al-quran, keyakinan kepada Allah semakin mantap tanpa ragu lagi. Dengan Al-quran seseorang itu lebih mulia, mempunyai harga diri dan syakhsiyah terpuji.

Seterusnya *an-nasihah* kepada Rasulullah s.a.w. bererti beriman dengan penuh yakin kepada kerasulan Muhammad s.a.w., menerima tanpa was-was segala apa yang dibawa Baginda, mentaati dan menghidupkan sunnah, mengasihinya dan bersedia menghadapi sesiapa yang memusuhi Baginda.

Beriman kepada Baginda juga bermakna menghiasi diri dan keluarga dengan mencontohi akhlak Baginda yang sangat mulia. Keyakinan kepada Rasul, menjadikan diri seseorang itu bersyukur, berbangga kerana menjadi ummatnya dan tidak akan mencemarkan nama baik Baginda dengan perlakuan yang tidak senonoh.

### **Saudara Sidang Jumaat Yang Dikasihi Allah.**

'*An-nasihah*' kepada kepimpinan Islam pula ialah mematuhi dengan menyokong dan membantu segala perancangan dan pelaksanaan yang baik. Memenuhi tanggungjawab untuk menyertai usaha-usaha mengembangkan ajaran Islam, memajukan pendidikan, meningkatkan sosio-ekonomi, mewujudkan keamanan dan apa jua usaha demi kepentingan umat Islam dan warga Negara. An-nasihah kepada kepimpinan juga bererti memberi pandangan dan teguran membina mengikut sistem dan saluran yang betul dengan berhikmah serta berdoa untuk kebaikan mereka.

'*An-nasihah*' kepada kepimpinan bukan dengan menentang secara melulu menurut emosi, bukan dengan pendekatan mengutuk, menghina, mencaci atau mendorong kepada kebencian. Sebaliknya, diambil pendirian yang bermaruah, berhemah dan dimantapkan dengan adab-adab Islam. Patuh, sokong dan bantu mana yang betul di samping berani memberi pandangan, teguran dan peringatan jika terdapat bibit-bibit awal penyelewengan.

### **Saudara Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Akhir sekali *An-nasihah* kepada orang ramai, keluarga, sahabat handai dan kenalan, ialah dengan berlaku baik kepada mereka sebagaimana kita suka mereka berlaku baik terhadap kita. Menumpahkan rasa simpati, menyayangi orang muda dan menghormati warga tua di kalangan mereka. Sentiasa mengutamakan kepentingan mereka dan menghindarkan perkara-perkara yang menyusah atau membahayakan mereka, walaupun di luar pengetahuan mereka. Jika mereka tersasar daripada landasan syarak, perbetulkan mereka dengan teguran yang ikhlas dan berhikmah.

### **Saudara Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Sempena hari mulia ini marilah kita mengukuh dan meningkatkan keimanan dan keyakinan kita kepada Allah, Rasul dan al-Quran dengan meningkatkan ilmu dan akhlak mulia. Di samping itu kita hendaklah mempunyai pendirian positif dan betul apabila berdepan dengan isu-isu yang melibatkan kepimpinan Islam dan seluruh umat.

## أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن  
نَنزَعْنَم فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ  
الْآخِرِ ذَٰلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

Yang bermaksud:

“Wahai orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul dan kepada Ulil-Amri dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berselisih dalam sesuatu perkara, maka kembalikanlah ia kepada Allah dan Rasul-Nya jika benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.”

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَتُوبُوا إِلَيْهِ وَاسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ  
التَّوَّابُ الْغَفُورُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ اهْتَدَىٰ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

إِخْوَانِي الْمُسْلِمِينَ حَفِظْكُمْ اللَّهُ،

Mari kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَىٰ آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَىٰ آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارَكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَىٰ آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَىٰ



سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ  
مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

“Ya Allah, kurniakanlah ganjaran pahala yang berterusan kepada pembayar-pembayar zakat yang telah menunaikan zakat melalui Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) bagi tahun 2020 Masihi serta berkatilah dan rahmatilah segala harta- harta mereka yang berbaki.”

“Ya Allah, kami memohon kepada-Mu agar harta- harta kami menjadi hartaharta yang bersih dan jadikanlah zakat kami ini sebagai saham buat kami di akhirat kelak’.

“Ya Allah , permudahkanlah jua segala usaha MAIDAM dalam memungut dan mengagihkan zakat demi manfaat umat islam di negeri Terengganu khususnya para asnaf. Amin Ya RabbalAmin”.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ  
الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ اشْفِ مَرَضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطُّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ  
بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ  
الْمَرْحُومِ السُّلْطَانَ مُحَمَّدِ الْمُكْتَفِيِّ بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ  
عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةَ تَرْعَاكَانُوا.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي  
الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ  
السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ!

أَذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَأَشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،

وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمَكُمُ اللَّهُ.